

05 JUN 1999

Malaysia-Korea

KOREA MAHU KEJAYAAN KL TANGANI KRISIS KEWANGAN DIBINCANG DI APEC

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Korea Selatan berharap kejayaan Malaysia dalam menangani krisis kewangan dapat dijadikan teladan dan dibincangkan pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di New Zealand akhir tahun ini.

Dalam hubungan ini, Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung berhasrat untuk bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa sidang kemuncak itu, kata Wisma Putra dalam satu kenyataan hari ini.

Kenyataan itu dikeluarkan sempena lawatan rasmi tiga hari Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar ke Korea Selatan yang berakhir hari ini.

Syed Hamid, yang diiringi tiga pegawai kanan Wisma Putra berada di Korea Selatan atas undangan rasmi rakan sejawatannya Hong Soon-Young, yang juga bekas Duta Besar Korea Selatan ke Malaysia dari tahun 1990 hingga 1992.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama Syed Hamid ke Korea Selatan sejak dilantik Menteri Luar Januari lepas.

Selain mengadakan perbincangan dengan Hong, Syed Hamid juga membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Korea Selatan, menghadiri taklimat di Panmunjom iaitu zon bebas tentera di antara Korea Selatan dan Korea Utara, mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin korporat Korea Selatan dan mengadakan sesi dialog dengan para pelajar Malaysia.

Menurut kenyataan itu, semasa pertemuan Syed Hamid dengan pemimpin-pemimpin Korea Selatan, perbincangan tertumpu kepada soal mempertingkatkan lagi hubungan dua hala khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Syed Hamid juga bertujar-tukar pendapat mengenai keadaan ekonomi serantau serta langkah-langkah yang diambil kedua-dua negara untuk mengatasi krisis ekonomi masing-masing.

Kedua-dua pihak bersetuju arkitektur kewangan masa kini perlu diperbaiki bagi mengelakkan berulangnya krisis matawang yang dihadapi sekarang, menurut kenyataan itu.

Syed Hamid juga bertukar-tukar pendapat mengenai keadaan politik di rantau Asia Tenggara dan Asia Timur dengan tumpuan kepada keadaan di Indonesia, Myanmar dan Semenanjung Korea.

Bagi menjamin kestabilan dan keamanan di Semenanjung Korea, Korea Selatan telah meminta sokongan Malaysia ke atas usaha untuk berbaik-baik dan memupuk persefahaman dengan Korea Utara.

Malaysia dan Korea Selatan juga bersetuju hubungan Asean-Korea Selatan ditingkatkan dan dalam hubungan ini, kerjasama antara Asean dan tiga buah negara Asia Timur iaitu Korea Selatan, China dan Jepun adalah penting.

Kenyataan Wisma Putra itu berkata Malaysia pada prinsipnya menyokong usaha Korea Selatan untuk membentuk "Kumpulan Wawasan Asia Timur" yang dicadangkan oleh Kim semasa sidang kemuncak "Asean+3" atau Asean dan Korea Selatan, China dan Jepun di Hanoi Disember lepas.

Semasa sesi dialog dengan pelajar-pelajar Malaysia, Syed Hamid menjelaskan kepada mereka mengenai perkembangan politik dan ekonomi tanahair.

Menurut kenyataan itu, lawatan Syed Hamid ke Korea Selatan berjaya memupuk persahabatan baik yang sedia terjalin di antara kedua-dua negara.

Ia juga meningkatkan lagi hubungan dua hala ke tahap yang baru dengan memberi tumpuan kepada hubungan perdagangan dan kerjasama ekonomi, pelaburan, sains dan teknologi dan hubungan antara rakyat.

Syed Hamid kini berada di Jepun dalam rangka lawatan empat hari.

-- BERNAMA

ES AKD